



## JKM beri khidmat kaunselor kepada keluarga China

MUKAH - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menghantar empat kaunselor berbangsa Cina ke Hotel Equatorial, Bangi, Selangor untuk memberi khidmat kaunseling kepada keluarga penumpang MH370 dari China semalam.

Tindakan segera itu diambil selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kelmarin mengumumkan bahawa pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 telah terhempas di Lautan Hindi.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, tugas dan tanggungjawab kaunselor kini lebih mencabar kerana

ia memasuki fasa ketiga dalam menangani emosi keluarga penumpang dan kru MH370.

"Seperti mana yang saya maklumkan sebelum ini, keluarga penumpang dan kru MH370 mengalami empat fasa emosi iaitu fasa pertama sebaik sahaja mengetahui berita kehilangan mereka panik, terkejut dan bimbang. Fasa kedua pula, emosi penumpang berada dalam keadaan kritikal dan tertekan kerana tidak tahu apa yang terjadi kepada ahli keluarga mereka.

"Kini telah memasuki fasa ketiga iaitu fasa setelah mendapat berita dan ia amat menyedihkan. Di sinilah penekanan spiritual harus diutamakan bagi tujuan pe-

mulihan emosi mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Bahagian Mukah di sini semalam.

Dalam pada itu, ketika ditanya sama ada pihak kementerian akan menghantar kaunselor ke Perth, Australia Rohani berkata, pihaknya sentiasa bersedia pada bila-bila masa untuk berbuat demikian.

Sementara itu, menurutnya, kementerian telah menunda program *Purple Walk* yang sepatutnya berlangsung serentak di seluruh negara pada Sabtu ini bagi memberi penghormatan kepada keluarga penumpang dan kru MH370.



ROHANI (lima dari kiri) bersama isteri Ketua Menteri Sarawak, Puan Seri Jamilah Anu (tiga dari kiri) dan Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusuf (kanan) bergambar bersama kanak-kanak selepas majlis perasmian Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Bahagian Mukah, Sarawak semalam.